


TARIKH	28 Julai 2020	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	6	RUANGAN	



**ABD. Majid K. Saur Mydin dan Sukartini Mazlan menunjukkan surat tawaran daripada Tabung Haji yang diterimanya pada Mac 2020.**

TARIKH	29 Julai 2020	SEKSYEN	Dalam Negeri
MUKA SURAT	6	RUANGAN	

## 'Belum rezeki kami tunai haji tahun ini'

Oleh **SAFINA RAMLI**  
 utusannews@mediamulia.com.my

**GEORGE TOWN:** Sepatutnya hari ini pasangan suami isteri Abd. Majid K. Saur Mydin dan isterinya, Sukartini Mazlan berada di Mekah menunaikan Rukun Islam kelima.

Bagaimanapun, pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia menyebabkan hasrat mereka untuk menunaikan haji tahun ini tertangguh.

Abd. Majid, 60, yang bekerja sebagai nelayan selepas bersara sebagai juruteknik berkata, dia dan isterinya yang berusia 55 tahun reda dengan takdir dan mengangap belum rezeki mereka mengerjakan haji tahun ini.

"Ada hikmahnya kami belum dapat ke sana, ditambah keadaan Covid-19 yang belum reda.

"Tempoh yang ada ini kami boleh tambah ilmu sebagai persediaan jika jemaah negara ini dibenarkan melaksanakan haji tahun depan," katanya ketika ditemui di Teluk Bahang di sini, semalam.

Kerajaan menangguhkan pelepasan kira-kira 31,600 jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci pada tahun ini atas faktor keselamatan dan kesihatan ekoran penularan Covid-19.

Menurut Abd. Majid, dia dan isteri mula menabung di Tabung Haji sejak 1989.

"Ketika itu kami berniat untuk mengerjakan haji, tapi kami tidak tahu kita perlu membuat pendaftaran jika mahu ke Tanah Suci.

"Hanya pada tahun 2007, baru kami mendaftar di Tabung Haji dan giliran kami untuk menunaikan haji sepatutnya pada 2023," katanya.

Datuk kepada seorang cucu itu berkata, dia dan isteri menghantar surat rayuan untuk mempercepat giliran mereka menunaikan haji pada tahun lepas.

"Pada Februari lalu kami menerima panggilan daripada Tabung Haji yang memaklumkan rayuan saya dan isteri telah diluluskan, tetapi pegawai di Tabung Haji memaklumkan ekoran pandemik Covid-19 mungkin berlaku perubahan dalam soal ibadat haji.

"Kami hanya sempat membuat pemeriksaan kesihatan serta mengambil suntikan vaksin sebagai persediaan dan masih belum membeli kelengkapan lain," katanya.

Tambahnya, dia dan isteri berharap dapat menunaikan ibadat itu tahun depan jika keadaan mengizinkan.